

17 JUL 2003

Isa-Tanah

PEJABAT TANAH DIMINTA CEPAT PROSES PERMOHONAN TANAH

SEREMBAN, 17 Julai (Bernama) -- Kerajaan negeri mengarahkan supaya Pejabat Pengarah Tanah dan Galian serta Pejabat Tanah Daerah mengkaji semula "delivery system" dalam usaha mempercepatkan proses permohonan tanah terutama yang melibatkan dengan pembangunan dan urus niaga tanah (seperti pindah milik, cagaran dan gadaian).

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata langkah ini diambil kerana ia melibatkan soal ekonomi.

"Apabila pejabat tanah lewat memberi keputusan kepada permohonan yang dibuat, ini menyusahkan setiap ahli perniagaan untuk berurusan dengan institusi kewangan.

"Sepatutnya mereka (ahli perniagaan) ini diberi keputusan yang cepat supaya mereka dapat berurusan dengan institusi kewangan dan mereka juga dapat menentukan pinjaman untuk membangunkan tanah-tanah mereka itu. Oleh sebab itu kita hendaklah mempercepatkan proses ini," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau sebelum itu mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Tanah dan Hasil Bumi di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Negeri, di sini.

Katanya pejabat tanah mestilah mengambil tindakan tertentu mempercepatkan proses ini. Ini termasuklah dari segi pengeluaran Borang 5A.

Sebagai contoh, katanya seorang ahli perniagaan yang telah diluluskan tukar syarat tanahnya daripada pertanian kepada pembangunan oleh exco dan setelah keputusan itu dimaklumkan kepada pemohon (ahli perniagaan), secara terperinci mereka mesti mendapat Borang 5A untuk membayar premium tambahan tetapi kadang-kadang ini mengambil masa yang lama.

"Sebab itu kita mengingatkan kepada pejabat tanah dan jabatan lain termasuk Jabatan Penilaian serta Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah supaya cepat menyediakan dari segi pelan susun aturnya untuk memudahkan pengiraan premium dan dari segi Jabatan Penilaian, sebagai contoh untuk mendapatkan nilai tanah itu untuk dibuat penilaian untuk pembayaran premium tanah.

"Ini kita ingatkan dan minta supaya pejabat tanah memainkan peranan secara yang lebih cepat kerana ini akan membantu pakej ransangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini," katanya.

-- BERNAMA

RP ZB